



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KAWALAN SOSIAL BERAJA DALAM NASKHAH HISTORIOGRAFI  
MELAYU***

**SUHADAN BIN ANWAR**

**FBMK 2018 56**



KAWALAN SOSIAL BERAJA DALAM NASKHAH HISTORIOGRAFI  
MELAYU


Oleh  
**SUHADAN BIN ANWAR**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

November 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Buat insan yang dikasihi  
Tiada kata yang mampu diucapkan  
Sekadar tulisan yang mampu aku zahirkan  
Di atas segala pengorbanan dan jasa-jasa yang dihulurkan  
Kalian adalah insan tersayang yang senantiasa mengapai tanganku ketika aku  
kelemasan.

Dedikasi ini ditujukan kepada;  
Ayahku Anwar Bin Mat Akib, dan Ibuku Zubaidah Binti Hamad  
Tidak lupa juga kepada adik-beradikku  
Sani, Sahidam, Khairul Alimi, Mohd. Zain, Shahidullah, Al-Muzammil, Tarmizi,  
Bukhari, dan Huda

Dedikasi ini juga ditujukan kepada;  
Dr. Salmah Jan Noor Muhammad (Penyelia tesis) dan  
Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani (ahli jawatankuasa penyeliaan tesis)  
serta sahabat-sahabat  
Adam, Amir, Mazlan, Zulkifli, Rosmini, Fahmi, Fazrul, Syafik, Zubaidullah, Nabil,  
Hilwany, Shuhada, Nadiatul, Rabiatul, Sofian  
dan rakan seperjuangan  
yang sentiasa memberi dorongan dan mendoakan kejayaan  
malah tidak putus-putus memberi kata-kata semangat, dan harapan.  
Terima Kasih kepada semua.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KAWALAN SOSIAL BERAJA DALAM NASKHAH HISTORIOGRAFI  
MELAYU**

Oleh

**SUHADAN BIN ANWAR**

**November 2017**

**Pengerusi : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk membicarakan kawalan sosial beraja dalam naskhah historiografi Melayu. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa terdapat permasalahan yang wujud berkaitan dengan kawalan sosial yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu tradisional dalam naskhah historiografi Melayu, khususnya bentuk kawalan sosial beraja. Berhubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mencapai dua objektif utama, iaitu menganalisis, dan merumus bentuk kawalan sosial beraja dalam naskhah historiografi Melayu yang dikaji berdasarkan tahap-tahap ‘peradaban’ (*‘umran*) menurut Ibn Khaldun. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan tiga buah naskhah historiografi Melayu, iaitu naskhah *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), *Tuhfat al-Nafis*, dan *Hikayat Siak* serta mengaplikasikan teori ‘*umran* (peradaban) oleh Ibn Khaldun dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk kawalan sosial beraja dalam historiografi Melayu melalui tiga tahap ‘peradaban’, iaitu tahap awal ‘peradaban’ memanifestasikan kawalan sosial beraja melalui bentuk persamaan hak dan egalitarian, serta bentuk psikologi dan metafizik yang berlaku disebabkan oleh keperluan sesebuah masyarakat kepada seorang ketua (raja) untuk memerintah mereka demi melindungi keperluan dan kepentingan mereka bersama. Raja (individu yang dilantik sebagai ketua) akan bertindak membangunkan negeri atau ‘kerajaan’ bersama-sama rakyatnya tanpa ada perbezaan dari segi status dan hierarki dalam masyarakat tetapi sangat dihormati dan dipatuhi oleh masyarakatnya. Pada tahap kedua pula bentuk psikologi dan metafizik, serta bentuk kekerasan yang berteraskan kepada keadilan berlaku dalam masyarakat. Hal ini kerana raja mentadbir rakyatnya berasaskan ideologi politik dan agama. Rakyat dikawal melalui undang-undang dan hukuman yang telah ditetapkan sehingga menyebabkan kerajaan yang dibina mencapai peringkat kegemilangan dalam tamadun. Tahap yang ketiga atau terakhir, adalah tahap kemunduran dan kemerosotan yang memanifestasikan kawalan sosial beraja berdasarkan bentuk keganasan. Raja atau pemerintah mula bertindak zalim ke atas rakyatnya. Hal ini menyebabkan rakyat hilang semangat untuk mempertahankan peradaban atau kerajaan mereka sehingga menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**KINGSHIP SOCIAL CONTROL IN THE MALAY HISTORIOGRAPHY**

By

**SUHADAN BIN ANWAR**

**November 2017**

**Chairman : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study aimed to discuss kingship social control in the Malay historiography. Based on a review of past research found that there are problems that exist in relation to the social control of Malay traditional communities in the Malay historiography, in particularly the form of kingship social control. In relation to that, this study was carried out to achieve two main objectives, namely analyzing, and formulating the form of kingship social control in the Malay historiography that was examined based on 'civilizations' ('umran) levels according to Ibn Khaldun. The study was carried out using three texts of Malay historiography, such as *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), *Tuhfat al-Nafis*, and *Hikayat Siak* and applied the 'umran (civilization) theory by Ibn Khaldun by using a qualitative study method. The findings show that there are some forms of kingship social control in Malay historiography through three levels of 'civilization', ie the early stage of 'civilization' manifests the kingships social control through the form of equality and egalitarian, as well as psychological and metaphysical forms that occur due to the needs of societies to having a leader (king) to govern or rule them to protect their interests and needs. The ruler (appointed person as the leader) will act to develop the kingdom along with its people without any difference in terms of status and hierarchy in societies but very respected and observed by the people. In the second level, psychological and metaphysical forms, as well as forms of violence based on justice take place in societies. This is because the king administered his people based on political and religious ideologies. The people are governed by the laws and penalties that have been set up to cause the established government to achieve a glorious level in civilization. The third or final level, is the level of decline and deterioration that manifests kingship social control based on the form of terrorism. The king or the ruler began to act cruelly against his people. This makes the people losing their spirits to defend the civilization which contributed to the collapse of Malay civilization.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang. Tuhan yang telah menganugerahkan segala nikmat dan kurnia. Dia-lah yang telah memberikan hidayah dan petunjuk Islam kepada kita. Jika tidak dengan limpahan rahmat, kasih dan sayang-Nya kepada kita, nescaya kita tergolong dalam golongan orang-orang yang sesat. Oleh itu, Dia anugerahkan cahaya Islam kepada kita

Selawat dan salam sentiasa dicurahkan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda, para sahabat dan orang-orang yang datang kemudian yang mengikut jejak langkah mereka sampai datangnya hari pembalasan.

Segala puji hanya untuk Allah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan izin-Nya. Saya panjatkan kesyukuran kepada Allah kerana dengan kudrat dan iradat-Nya, serta taufik dan hidayat-Nya, saya dapat menyiapkan kajian yang bertajuk “Kawalan Sosial Beraja dalam Naskhah Historiografi Melayu”.

Saya dengan ikhlas mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Salmah Jan Noor Muhammad selaku pengurus penyeliaan tesis, dan Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani sebagai ahli jawatankuasa penyeliaan tesis atas bimbingan, nasihat, dan pedoman yang diberikan. Segala teguran, pedoman dan tunjuk ajar mereka tidak ternilai harganya. Andainya, tiada teguran, pedoman dan bimbingan daripada mereka, nescaya saya tidak akan dapat menyiapkan kajian ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, khususnya pensyarah-pensyarah Jabatan Bahasa Melayu yang turut memberikan sokongan dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Begitu juga kepada pegawai-pegawai, serta seluruh kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan pustakawan di Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Dewan Bahasa dan Perpustakaan yang telah banyak membantu saya dalam mencari maklumat dan mengumpulkan bahan bagi penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai, dan kakitangan Sekolah dan Pengajian Siswazah, serta Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Buat mak, ayah dan keluarga tersayang, segala doa, restu, dorongan dan harapan kalian agar tesis ini dapat disiapkan amat dihargai. Mudah-mudahan beroleh manfaat dan

keberkatan daripada-Nya. Semoga segala usaha yang dilakukan sepanjang masa dalam menyiapkan tesis ini sentiasa diberkati Allah s.w.t dan dapat dimanfaatkan.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada rakan seperjuangan kerana banyak memberikan pandangan, teguran, dan perkongsian maklumat sehingga penyelidikan ini dapat disiapkan. Kalian adalah sumber inspirasi dan semangat juang saya untuk terus berusaha dan berjuang supaya mencapai kejayaan dan kecemerlangan di dunia mahu pun akhirat.

Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, mudah-mudahan sumbangan ikhlas, dan jasa baik kalian dalam menjayakan penyelidikan ini diberkati, direndai dan diterima sebagai amal soleh di sisi Allah s.w.t. Saya doakan semoga sumbangan ikhlas anda semua diberkati Allah s.w.t di dunia dan akhirat.

Sekali lagi saya ucapan setinggi-tinggi penghargaan dengan rasa penuh kesyukuran dan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini, terutamanya dari segi rujukan dan pengumpulan bahan serta dorongan, dan bimbingan. Mudah-mudahan tesis ini dapat menambah khazanah pengetahuan. Justeru itu, dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan terhadap masyarakat seluruhnya berkaitan dengan kesan kawalan sosial terhadap pembinaan, kegemilangan dan kejatuhan peradaban dalam sesebuah masyarakat. Dengan ini, jasa dan pengorbanan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tesis ini dapat dimanfaatkan dan dihargai oleh masyarakat seluruhnya. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 November 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Suhadan bin Anwar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kawalan Sosial Beraja dalam Naskhah Historiografi Melayu” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah (Ijazah Master Kesusteraan Melayu).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Mardiana binti Nordin, PhD**

Pensyarah Kanan

Universiti Malaya

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

**NOR AINI BINTI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 April 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

### **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Suhadan bin Anwar (GS37745)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa Penyeliaan : Salmah Jan binti Noor Muhammad

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd. Zariat bin Abdul Rani

## JADUAL KANDUNGAN

|  | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| <b>ABSTRAK</b>   | i              |
| <b>ABSTRACT</b>  | ii             |
| <b>PENGHARGAAN</b>   | iii            |
| <b>PENGESAHAN</b>  | v              |
| <b>PENGAKUAN</b>   | vii            |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                   | xi             |
|  |                |
| <b>BAB</b>   |                |
| <b>I PENGENALAN</b>  |                |
| 1.1 Latar Belakang Kajian                                  | 1              |
| 1.2 Penyataan Masalah                                      | 4              |
| 1.3 Objektif Kajian  | 9              |
| 1.4 Kepentingan Kajian                                     | 10             |
| 1.5 Batasan Kajian   | 10             |
| 1.6 Definisi Operasional                                   | 13             |
| 1.6.1 Kawalan Sosial                                       | 13             |
| 1.6.2 Historiografi Melayu atau Sastera Sejarah            | 15             |
| 1.7 Rumusan  | 16             |
| <b>II SOROTAN LITERATUR</b>                                |                |
| 2.1 Pengenalan   | 17             |
| 2.2 Sorotan Kajian tentang Kawalan Sosial                  | 17             |
| 2.3 Sorotan Kajian tentang Historiografi Melayu            | 24             |
| 2.4 Sorotan Kajian tentang Teori Kajian                    | 29             |
| 2.5 Rumusan  | 30             |
| <b>III METODOLOGI KAJIAN</b>                               |                |
| 3.1 Pengenalan   | 32             |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                                     | 32             |
| 3.3 Tatacara Kajian  | 32             |
| 3.4 Kaedah Kajian  | 33             |
| 3.5 Bahan Kajian dan Rasional Pemilihan Bahan              | 33             |
| 3.6 Teori Kajian   | 34             |
| 3.7 Kerangka Konsep Kajian                                 | 44             |
| <b>IV KAWALAN SOSIAL BERAJA DALAM HISTORIOGRAFI MELAYU</b> |                |
| 4.1 Pengenalan   | 45             |
| 4.2 Tahap Awal ‘Peradaban’ dan Proses Kelahiran Tamadun    | 45             |
| 4.3 Tahap Kehidupan Menetap dan Pembinaan Tamadun          | 53             |
| 4.4 Tahap Kemunduran dan Kemerosotan                       | 77             |

|     |                             |     |
|-----|-----------------------------|-----|
| 4.5 | Rumusan                     | 84  |
| V   | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b> |     |
| 5.1 | Rumusan                     | 86  |
| 5.2 | Cadangan                    | 88  |
|     | <b>BIBLIOGRAFI</b>          | 89  |
|     | <b>LAMPIRAN</b>             | 100 |
|     | <b>BIODATA PELAJAR</b>      | 103 |
|     | <b>SENARAI PENERBITAN</b>   | 104 |



## SENARAI SINGKATAN

|        |   |
|--------|---|
| SS     | <i>Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)</i>                         |
| TN     | <i>Tuhfat al-Nafis</i>  |
| HS     | <i>Hikayat Siak</i>   |
| MM     | <i>Misa Melayu</i>  |
| HKM    | <i>Hukum Kanun Melaka</i>   |
| UUM    | <i>Undang-undang Melaka</i>                                       |
| UULM   | Undang-undang Laut Melaka   |
| H      | Hijrah  |
| s.w.t  | Subhanahu wa taa'la   |
| s.a.w  | Sollalahu 'alaihi wa Sallam                                       |
| SARI   | <i>Jurnal Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu</i> |
| MANU   | <i>Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa</i>                     |
| JEBAT  | <i>Jurnal Sejarah</i>   |
| terj.  | Terjemahan  |
| peny.  | Penyunting/ penyelenggara   |
| pent.  | Penterjemah   |
| UNESCO | United Nations Educational Scientific and Cultural Organization   |



## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Naskhah historiografi Melayu merupakan antara salah satu karya kesusastraan Melayu tradisional yang paling banyak memaparkan sejarah pemerintahan dan pentadbiran dalam masyarakat Melayu tradisional. Hal ini kerana naskhah historiografi Melayu ialah hasil-hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah yang mengikuti konsep dan ukuran masyarakat serta zaman yang menghasilkannya yang memaparkan cerita tentang sejarah kerajaan Melayu (Siti Hawa Haji Salleh, 1993: 280; Harun Mat Piah, 2000: 297). Pemerihalan mengenai sejarah-sejarah kerajaan Melayu dalam naskhah historiografi Melayu memperlihatkan tatacara kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Tatacara kehidupan masyarakat pula bergantung kepada kawalan sosial yang dibuat dalam sesebuah masyarakat tersebut, khususnya mengenai corak pemerintahan dan pentadbiran yang dibuat dalam sesebuah kerajaan. Rokiah Ismail (2002:89) menyatakan bahawa:

“Kawalan sosial merupakan semua proses yang menyebabkan individu akur pada norma masyarakat termasuk undang-undang jenayah, pihak polis, mahkamah dan institusi tahanan”.

Sehubungan dengan itu, kawalan sosial bertindak sebagai suatu alat pemaksa dan pengawal norma masyarakat yang terbina melalui proses sosialisasi yang panjang yang menjadi aspek keperkasaan dan kelestarian budaya (Halimah Hassan, 2007; Harun Daud, 1994). Dalam masyarakat Melayu tradisional, alat pemaksa dan pengawal norma dalam masyarakat dikenali sebagai ‘adat’. Seperti yang dikatakan oleh Mohammad Hannan Hassan (2014: 228) dalam petikan di bawah:

*“One can think of adat in three layers of meanings, from the innermost esoteric meaning (worldview) to the outmost and exoteric meaning (concerning objective behaviors and practices). The first layer is the Adat worldview rooted in the Malay conception of life, realities and truth; the second is the socio-ethical aspect derived from the worldview; and the third is the practices in ordering and administering relations with others, in resolving conflicts and settling problems, and in the decision-making processes”.*

Oleh itu, ‘adat’ dalam masyarakat Melayu merupakan tatacara hidup yang perlu dipatuhi dan digunakan dalam segenap aspek kehidupan mereka atau sebagai kawalan sosial kepada sistem sosial mereka. Adat menjadi dasar utama kepada peraturan hidup masyarakat Melayu yang membentuk nilai moral, undang-undang, dan hukum (Harun Daud, 1994).

Penting untuk dijelaskan bahawa ‘adat’ dalam masyarakat Melayu dibina melalui beberapa pengaruh ajaran agama atau ideologi seperti animisme, pengaruh India (Hinduisme), Islam dan pengaruh Barat (sekularisme). Mohd. Taib Osman (1988: 2):

“Secara ringkas dapat kita berikan contoh budaya orang Melayu; persambungan dan perubahan berlaku setiap kali tibanya pengaruh peradaban-peradaban luar, pertamanya daripada peradaban India, kemudian peradaban Islam dan dimulai abad yang lalu, kita di Semenanjung secara menyeluruh, daripada peradaban Barat moden. Pada tiap-tiap titik tibanya pengaruh luar itu, terdapat ciri-ciri yang telah sedia memperlanjutkan budaya di samping munculnya ciri-ciri yang mengasaskan perubahan.”

Pendapat Mohd. Taib Osman ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu telah menerima, dan menggunakan ajaran agama atau ideologi yang telah masuk ke Tanah Melayu, khususnya daripada kebudayaan besar seperti ajaran Hindu-Buddha (peradaban India), Islam dan ideologi sekularisme (peradaban Barat moden). Setiap ajaran agama atau ideologi yang diterima, atau dipraktikkan oleh masyarakat Melayu pada zaman sebelumnya (animisme, Hindu-Buddha) akan turut dijadikan pegangan dan mempengaruhi pandangan hidup mereka pada zaman semasa atau selepasnya. Walaupun kadang-kadang ajaran agama atau ideologi pada zaman sebelumnya bertentangan dengan ajaran agama dan ideologi semasa, tetapi mereka tetap mengamalkan ajaran agama atau ideologi sebelumnya, sama ada diubahsuai atau disesuaikan dengan ajaran agama atau ideologi semasa seperti yang dikatakan oleh Mohd. Taib Osman sebagai ‘persambungan dan perubahan.’

Pertindanan ajaran agama atau ideologi berlaku dalam masyarakat Melayu tradisional membentuk ‘adat’ yang dijadikan pandangan hidup mereka. Adat yang terbina melalui pertindanan ajaran agama atau ideologi ini menjadi mekanisme penting dalam kawalan sosial beraja yang digunakan dalam masyarakat Melayu tradisional. Hal ini dapat dilihat dalam kebanyakan karya historiografi Melayu (sastera sejarah) seperti *Sulalatus Salatin* (A. Samad Ahmad, 1979), *Tuhfat al-Nafis* (V. M. Hooker, 1998), *Hikayat Patani* (Siti Hawa Salleh, 1992), dan *Misa Melayu* (Raja Chulan, 1966) berkaitan dengan ‘persambungan dan perubahan’ bentuk ajaran agama atau ideologi yang membentuk kerangka kawalan sosial beraja dalam masyarakat Melayu tradisional, iaitu bermula dengan mempercayai raja sebagai dewa atau *dewa raja* semasa kemasukan ideologi Hinduisme, dan wakil Allah di muka bumi (*Aftabulallah fil ard*) dengan masuknya agama Islam (A. Samad Ahmad, 1979). Berikutnya hal tersebut, kemasukan agama Islam ke Alam Melayu pada abad ke-11 sedikit sebanyak mengubah kaedah kawalan sosial beraja dalam masyarakat Melayu. Dalam hal ini, agama Islam tidak menjadi kaedah pengawalan sosial dalam masyarakat Melayu secara menyeluruh walaupun agama Islam telah menjadi pegangan kuat masyarakat Melayu pada abad ke-14, khususnya berkaitan dengan konsep raja kerana mereka masih terbawa-bawa dengan ajaran agama atau ideologi yang diketengahkan oleh ajaran Hinduisme yang diterima dari zaman sebelumnya. Secara umumnya, masyarakat Melayu tradisional sebagaimana yang dimanifestasikan dalam naskhah historiografi Melayu daripada segi praktik dan amalan hidup masih mengamalkan ajaran agama atau ideologi sebelumnya (animisme-mitis, dan Hinduisme-Budhisme) di samping ajaran baharu (Islam).

Dalam menjelaskan ajaran agama atau ideologi, suatu mekanisme penting yang menjadi penggerak atau penyebar ajaran agama atau ideologi supaya diterima oleh sebuah masyarakat adalah penerimaan dan kepengaruan ketua. Hal ini dinyatakan oleh Ibn Khaldun bahawa sesebuah kelompok masyarakat biasanya akan mengikut ajaran raja (ketua) mereka, di samping mempercayai dan akur kepada perintah raja mereka (*Mukadimah Ibn Khaldun*, 1993: Lx). Raja pula akan menggunakan bentuk ajaran agama atau ideologi sebagai suatu mekanisme kuasa untuk mengawal rakyat secara psikologikal supaya kepatuhan dan kesetiaan rakyat itu menjelma secara semula jadi (Norazimah Zakaria, 2005: 320). Hal ini dapat dilihat melalui naskhah *Sejarah Melayu*:

“Syahadan pada malam itu Merah Silu pun tidur, maka ia bermimpi dirinya berpandangan dengan Rasulullah salla'llahu 'alaihi wa salam. Maka sabda Rasulullah kepada Merah Silu, "Ngangakan mulutmu!" Maka oleh Merah Silu dingangkan mulutnya; diludahi oleh Rasulullah mulut Merah Silu. Maka Merah Silu pun terjaga daripada tidurnya .” ( A. Samad Ahmad, 1979: 54)

Petikan di atas memerihal tentang Merah Silu yang bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w. Dalam mimpi tersebut, Merah Silu telah diIslamkan secara langsung oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w, di samping mendapat kebolehan untuk pandai mengaji (membaca al-Qur'an), sedangkan Merah Silu selama ini tidak pernah mengenali atau belajar bahasa Arab. Merah Silu menjadi raja Melayu yang pertama memeluk agama Islam di atas jalan Nabi Muhammad s.a.w dengan menukar nama atau memakai gelaran Sultan Malik-us Salleh. PengIslamian Merah Silu disertai oleh pengisytiharan dan penerimaan rakyat Melayu di bawah kerajaan Melayu Semundra (Samudera) terhadap agama Islam. Bukan itu sahaja, bentuk ajaran atau ideologi (agama Islam) turut digunakan oleh raja sebagai benteng dalam menangani masalah rakyatnya. Hal ini kerana rakyat secara psikologinya telah menerima raja sebagai mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Contohnya, Merah Silu diberi mandat oleh Nabi Muhammad s.a.w daripada Allah s.w.t untuk mentadbir dan mengawal rakyat berdasarkan mimpi bertemu dengan Nabi seperti dalam petikan di atas. Masyarakat secara psikologinya akan mempercayai raja mereka bahkan akan lebih mentaati raja apabila raja mengaitkan dirinya dengan kuasa ghaib yang dipercayai oleh masyarakat sebagai suatu kuasa yang perlu ditakuti, yang menyebabkan masyarakat akur dan patuh kepada raja mereka.

Keakuran dan kepatuhan masyarakat kepada raja menyebabkan pengawalan terhadap masyarakat berlaku tanpa ada tentangan kuat daripada masyarakat. Raja boleh menjalankan segala bentuk kawalan sosial ke atas masyarakatnya dengan kewibawaan dirinya yang diperkuuh oleh kuasa ghaib. Dalam hal ini, secara tidak langsung rakyat akan patuh kepada raja mereka kerana ketaatan dan kepatuhan ini akan menjamin kesejahteraan hidup mereka di dunia mahupun di alam selepas mati (akhirat). Hal ini selari dengan pendapat yang diutarakan oleh Esa Khalid (2001: 7) tentang tujuan kawalan sosial dalam tamadun Islam:

“Tujuan tamadun Islam juga sebagaimana tujuan diturunkan agama Islam itu sendiri. Tujuan agama Islam yang disebutkan oleh para ahli hukum sebagai *muqasid al-syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kemuncak daripada pengawalan tersebut

adalah mendapat keredaan Allah, kesejahteraan hidup di dunia maupun di akhirat.”

Walau bagaimanapun, kedatangan agama Islam ke Alam Melayu agak berbeza berbanding ajaran agama atau ideologi sebelumnya, kerana membentuk pegangan yang kuat dalam diri masyarakat Melayu tradisional. Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972: 19- 20) menyatakan bahawa kedatangan agama Islam ke Kepulauan Melayu-Indonesia telah menimbulkan rasionalisme dan intelektualisme yang menggerakkan “proses merevolusikan pandangan hidup masyarakat Melayu-Indonesia, memalingkannya dari alam seni dan mitos yang khayal, yang sudah mulai gugur dari singgahsananya, dan mematuhi serta menetapkannya pada alam akal dan budi yang menuntut cara-gaya tertib teratur” yang seterusnya, membawa kepada “zaman baru” dalam persejarahan masyarakat Melayu-Indonesia di samping menegaskan suatu sistem yang berasaskan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan.

Secara jelasnya, kawalan sosial dalam masyarakat Melayu tradisional dipengaruhi oleh bentuk ajaran agama atau ideologi seperti animisme, Hinduisme/ Budhisme, dan Islam. Pertindanan antara bentuk ajaran atau ideologi ini menjadi dasar dalam membentuk pandangan hidup masyarakat Melayu tradisional, seterusnya mencorakkan kawalan sosial beraja yang dipatuhi oleh mereka. Walaupun dengan kehadiran agama Islam, unsur-unsur yang terdapat dalam bentuk ajaran agama atau ideologi yang sebelumnya masih lagi digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional. Sebagaimana pendapat Norazimah Zakaria (2005: 322) berdasarkan kajiannya dalam naskhah *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa untuk mengukuhkan kawalan politik sosialnya, maka unsur-unsur moral ini (moral Islam) bergabung jalin dengan unsur-unsur Hindu. Kenyataan ini dapat diperkuatkan lagi dengan pendapat Noriah Taslim (2006: 72) yang menyatakan bahawa pengaruh ajaran sebelum Islam, iaitu pengaruh budaya ‘animisme Hindu’ serta model alam tradisi (masyarakat Melayu), masih agak kental di dasar kepercayaannya. Justeru itu, kawalan sosial beraja dalam masyarakat Melayu tradisional mengalami perubahan pada setiap kali menerima ideologi atau ajaran agama baru dan tidak meninggalkan secara keseluruhan kawalan sosial yang terbina pada ‘zaman sebelumnya’.

## 1.2 Penyataan Masalah

Penceritaan dalam naskhah historiografi Melayu banyak memberi tumpuan kepada golongan pemerintah dan sangat sedikit membincarakan kehidupan golongan diperintah atau rakyat. Sebagai naskhah yang ditulis di bawah perintah raja, penulis naskhah historiografi Melayu dalam menulis kisah sejarah Melayu berusaha menulis naskhah yang tidak mendatangkan kemurkaan (kemarahan) raja kerana peristiwa yang mendatangkan kemurkaan raja boleh mengakibatkan kemudaratian kepada diri penulis, seperti mendapat hukuman atau seksaan. Dalam hal ini, peristiwa mengagung-agungkan raja merupakan perkara yang paling dominan dalam naskhah historiografi Melayu yang dihasilkan. Namun begitu, penulisan naskhah historiografi Melayu selain mengagung-agungkan raja, ia turut memaparkan sejarah pemerintahan dalam kerajaan-kerajaan Melayu, khususnya berkaitan dengan kawalan sosial beraja.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Zainal Kling (2014), dan Shaharir Mohamad Zain (2003) terhadap karya historiografi Melayu dan masyarakat Melayu tradisional, khususnya naskhah *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan masyarakat Melayu terawal yang mendiami Kepulauan Melayu mendapat bahawa masyarakat Melayu telah mengamalkan kawalan sosial yang tersendiri sejak 2500 tahun sebelum Masihi lagi berasaskan kepada bentuk kekerabatan dan kekeluargaan dwisisi (cognatic, bilateral). Mereka mengaitkan sistem kawalan sosial terawal dalam masyarakat Melayu dengan sistem kawalan sosial yang digunakan dalam masyarakat orang asli. Dalam erti kata yang lain, bentuk kehidupan masyarakat pada peringkat ini berbentuk perkampungan atau ‘kedemangan’ yang diketuai oleh penghulu, batin atau demang. Ciri terpenting daripada struktur kehidupan masyarakat pada peringkat ini ialah sebuah masyarakat yang menegaskan kesamarataan status dan taraf kedudukan antara individu dalam masyarakat tanpa terlalu banyak hubungan hierarki tinggi antara pemimpin dengan orang ramai (bersifat egalitarian). Masyarakat pada peringkat ini juga mengamalkan kepercayaan ‘bersifat semangat’ dengan menjadikan pawang dan bomoh sebagai ahli perubatan herba dan alam ghaib, serta menilik sebarang petanda dan kejadian alam yang boleh mempengaruhi keperluan dalam kehidupan masyarakat (kepercayaan animisme).

Suatu yang menarik dalam masyarakat Melayu awal adalah kumpulan masyarakat dikawal oleh individu yang kuat, gagah dan berani yang dilantik melalui ritual dengan pembacaan jampi-jampi tertentu oleh pawang ataupun batin. Akhirnya, individu ini mendapat kedudukan yang tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat atau bertindak sebagai pemimpin masyarakat. Sebagaimana yang diperihalkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin*, masyarakat Melayu pada peringkat awal dikawal atau ditadbir oleh Demang Lebar Daun yang bertindak sebagai penghulu atau batin. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah pun mempunyai dan membentuk kawalan sosial yang tersendiri yang bermula dengan zaman Demang Lebar Daun lagi yang berasaskan prinsip yang egalitarian atau lebih mementingkan sifat muafakat dan kerjasama di antara mereka disebabkan oleh pertalian darah dan semangat kekeluargaan (*asabiyyah*) yang menuntut untuk saling menyayangi dan melindungi antara satu dengan yang lain.

Kawalan sosial berasaskan kepada bentuk kekerabatan dan kekeluargaan dwisisi (cognatic, bilateral) ini berkekalan sehingga abad ke-7 Masihi dengan kemunculan sistem pemerintahan beraja. Seperti yang dicatatkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* yang dapat dilihat semasa kehadiran anak raja daripada keturunan Raja Suran di Bukit Seguntang, Muara Tatang, Palembang yang mengasaskan sistem pemerintahan beraja sekitar abad ke-7 Masihi.

Bertentangan dengan ini, kajian kawalan sosial dalam masyarakat Melayu terawal juga dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Jelani Harun (2008: 5), sebagaimana pendapatnya:

“Sebelum kewujudan undang-undang adat, masyarakat Melayu mungkin telah ada peraturan hidup secara lisan yang banyak dipengaruhi oleh hukum alam (*law of nature*), yakni orang yang kuat mengatasi orang yang lemah. Hukuman yang bercorak ‘undang-undang rimba’ ini mungkin telah menjadi amalan masyarakat Melayu yang menghuni

rimba belantara atau pesisiran sungai dan laut Alam Melayu sejak ratusan tahun dahulu. ‘Undang-undang rimba’ mungkin wujud pada masa silam apabila ketua masyarakat memerintah berasaskan hukuman yang dibuatnya sendiri, dengan segala kekuasaan mengenakan paksaan terhadap rakyat, tanpa mengira mereka menerima atau menentang undang-undang tersebut. Justeru, ‘undang-undang rimba’ sering kali diwarnai dengan ciri kekejaman, kekerasan, kezaliman dan ketiadaan nilai kemanusiaan atau keadilan terhadap rakyat jelata.”

Seperti yang dapat dilihat dalam petikan di atas, Jelani Harun menyatakan bahawa pada peringkat awal kawalan sosial dalam masyarakat Melayu lebih bersifat kejam dan tidak berasaskan keadilan kerana memerintah berasaskan hukuman yang dibuat sendiri dan bukan berasaskan prinsip persamaan hak (egalitarian) sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Hal ini diperkuatkan lagi oleh beliau dengan mengambil contoh dalam naskhah *Sulalatus Salatin* yang memperlihatkan tentang kawalan sosial berasaskan kekerasan dan kezaliman pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Syah melalui tiga peristiwa pembunuhan oleh Sultan Iskandar Syah, iaitu peristiwa pembunuhan Tun Jana Khatib, pembunuhan budak yang telah menyelamatkan Singapura daripada serangan todak, dan penyulaan anak Sang Rajuna Tapa (Jelani Harun, 2008: 5). Peristiwa pembunuhan ini menurut Jelani Harun bukan dibuat berasaskan kepada dekri undang-undang adat tetapi lebih berpunca daripada perasaan marah, cemburu, dendki, khianat, dan hukuman tanpa usul periksa raja yang memerintah ketika itu, di samping mendakwa bahawa kawalan sosial beraja yang dibuat pada zaman ini merupakan suatu bentuk undang-undang awal (undang-undang rimba) yang wujud dalam semua sejarah awal tamadun manusia di seluruh dunia yang dibuat bukan berasaskan adat dan kepercayaan agama masyarakat tersebut.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Tatiana A. Denisova (2011: 164) pula perasaan yang menyumbang kepada kezaliman dan keganasan ini bukan merupakan suatu bentuk undang-undang (kawalan sosial) kerana berlaku sepanjang zaman bahkan berlaku dalam setiap peradaban manusia akibat kegagalan manusia dalam mengawal nafsu tersebut. Perasaan marah, cemburu, dendki, khianat, dan hukuman tanpa usul periksa ini merupakan suatu perasaan yang berpunca daripada nafsu *amarah* (jahat) dan *lawwamah* (tercela) atau sifat kebinatangan yang telah pun wujud dalam diri manusia yang menyumbang kepada kezaliman dan keganasan (Ibnu Qayyim al-Jauziyah, 2011: 289-290; Hashim Musa, 2008: 79; Abu Mazaaya al Hafiz, 1997: 167).

Seterusnya, Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2001) turut mengaitkan kawalan sosial dalam masyarakat Melayu tradisional dengan keperibadian raja. Raja yang menjalankan kawalan sosial dengan adil merupakan raja yang memiliki peribadi yang tinggi meliputi semua sifat kebaikan dan moraliti, antaranya sifat ketakwaan dan akal budinya yang tinggi, termasuklah sifat kebijaksannya. Keadilan dalam kawalan sosial juga terserlah melalui ikatan permuafakatan atau kerjasama yang sentiasa wujud di antara raja Melayu dengan rakyatnya (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2001: 194). Manakala, kawalan sosial berasaskan kepada kekerasan dan kezaliman berpunca daripada kegagalan raja dalam memberikan keadilan kepada rakyat. Menurut Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2001: 198) menyatakan bahawa kezaliman itu ialah kegagalan raja menjadi pelindung rakyat dengan memberikan aib atau malu seperti

melaksanakan undang-undang negeri secara berat sebelah, menghukum tanpa usul periksa, tidak melakukan muafakat dengan pembesar dan rakyat dalam pemerintahan, serta memiliki peribadi buruk hingga gagal membina hubungan yang baik dengan rakyat.

Manakala, Qassim Ahmad (1993) pula menyatakan bahawa dalam menjalankan kawalan sosial, kekerasan merupakan suatu yang patut dilakukan oleh raja atau kerajaan selagi ia berasaskan undang-undang, bahkan hak untuk melakukan kekerasan telah pun diberikan oleh rakyat kepada raja semasa awal pembentukan kerajaan atau negara lagi, seperti katanya dalam petikan di bawah:

Kekerasan yang dilakukan oleh pihak pemerintah dianggap sebagai suatu yang sah dan wajar. Ia berdasarkan undang-undang dan dikendalikan bagi membanteras kekerasan lain yang mengancam atau dianggap mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Kekerasan kerajaan umumnya merupakan suatu yang sah kerana pada dasarnya dalam hubungan antara rakyat dan kerajaan, rakyat telah pun dari awal lagi menyerahkan kuasa dan hak melakukan kekerasan kepada pemerintah (Qassim Ahmad, 1993: 3).

Kehadiran tiga anak raja ini disambut baik oleh masyarakat setempat dan Demang Lebar Daun selaku pemerintah kerajaan Melayu Palembang. Kemudian, anak-anak raja tersebut dilantik sebagai raja dalam kerajaan-kerajaan Melayu, khususnya salah seorang anak raja tersebut, Sri Tri Buana dilantik sebagai pengganti Demang Lebar Daun, dan Demang Lebar Daun menjadi bendahara atau penasihat Sri Tri Buana. Dalam hal ini, *wa'ad* atau persetiaan berlaku di antara rakyat (Demang Lebar Daun mewakili rakyat atau sebagai ketua masyarakat Melayu atau penghulu) dengan Sri Tri Buana (Raja). Hal ini jelas ditunjukkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin* yang memperlihatkan kepatuhan masyarakat Melayu tradisional terhadap persetiaan yang dibuat oleh Demang Lebar Daun dengan Sri Tri Buana berkaitan dengan pengesahan kedaulatan raja dan pengambilalihan jawatan ketua masyarakat oleh Sri Tri Buana yang menjadi raja Melayu pertama (A. Samad Ahmad, 1996: 24). Lanjutan dari itu, rakyat terus patuh dan setia kepada Sri Tri Buana dan keturunan baginda yang memerintah selepasnya. Penting untuk dijelaskan juga bahawa kehadiran dan perlantikan Sri Tri Buana sebagai raja Melayu turut menunjukkan suatu konsep dan ideologi baharu yang diterima oleh masyarakat Melayu, iaitu daripada kepercayaan animisme kepada Hinduisme-Budhisme, khususnya berkaitan dengan konsep raja dan kerajaan. Kemasukan ideologi ini mengakibatkan pembentukan kawalan sosial yang baru berbanding sebelumnya, iaitu semasa zaman Demang Lebar Daun, masyarakat dipercayai mengamalkan kawalan sosial yang berpaksikan ideologi atau ajaran animisme atau budaya asal masyarakat tempatan yang berbeza dengan ideologi atau ajaran Hinduisme yang menjadikan ‘raja’ sebagai pusat atau paksi segala ‘kuasa’ dalam erti kata yang lain, raja berkuasa ke atas segenap aspek kehidupan masyarakat.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Norazimah Zakaria (2005: 320) terhadap naskhah *Sulalatus Salatin* menyatakan bahawa ideologi Hinduisme meletakkan raja sebagai dewa atau *supreme ruler*. Konsep ‘dewa raja’ atau *supreme rule* ini merupakan suatu konsep yang meletakkan raja menduduki tempat tertinggi, iaitu dianggap berketurunan

daripada para dewa dan mendapat restu kudus daripada dewa-dewa untuk memerintah (Siti Hawa Haji Salleh, 2006: 27). Sehubungan dengan ini, kehadiran ideologi ini menuntut kesetiaan yang tidak berbelah bahagi rakyat kepada raja. Sejajar dengan pengenalan konsep raja sebagai dewa atau separa dewa, konsep kasta mula diperkenalkan, yang memisahkan masyarakat kepada dua kelompok utama, iaitu golongan pemerintah, dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah terdiri daripada raja, anak-anak raja dan keturunannya, serta pembesar-pembesar, manakala golongan diperintah terdiri daripada kalangan rakyat biasa. Sebagaimana yang dijelaskan bahawa tuntutan kesetiaan dan kepatuhan rakyat juga turut diberikan kepada pembesar-pembesar yang dilantik oleh raja kerana bertindak di atas kuasa raja atau mendapat mandat daripada raja.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Harun Daun (1989: 98-99), konsep *dewa raja* ini dianggap sebagai suatu konsep yang memberikan kuasa mutlak kepada raja yang boleh mendorong raja untuk melakukan kaedah pengawalan sosial berdasarkan kepentingan peribadi raja. Justeru itu, konsep *dewa-raja* menyumbang kepada pemerolehan kuasa mutlak kepada raja atau golongan pemerintah, di samping membenarkan penyelewengan kuasa dan kezaliman kepada rakyat.

Seterusnya, kedatangan agama Islam ke Alam Melayu telah menyebabkan perubahan yang besar berlaku dalam kehidupan sosial masyarakat Melayu, khususnya berkaitan dengan aturan atau peraturan hidup serta undang-undang yang diguna pakai oleh masyarakat Melayu dengan munculnya *Undang-undang Melaka*. Sebagaimana pendapat Jelani Harun (2008: 6) yang menyatakan bahawa penulisan *Undang-undang Melaka* oleh Sultan Muhammad Syah (1422-1444) menjadi garis pemisah yang cukup penting terhadap perubahan tamadun hidup masyarakat Melayu daripada aturan ‘undang-undang rimba’ kepada undang-undang adat yang lebih tersusun, kemudiannya termasuklah pengenalan awal kepada undang-undang Islam. Selaras dengan ini, Ali Muhammad (2008: 75) menyatakan bahawa perubahan yang dibawa oleh ajaran Islam dalam sistem pemerintahan mengandungi unsur-unsur politik yang berbentuk sejagat, saksama, adil, mengenal hak dan bertanggungjawab. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa masih wujud salah laku dalam pemerintahan ketika zaman Islam kerana dikaitkan dengan raja yang berkuasa mutlak yang membolehkan raja melakukan sesuatu mengikut kehendak dan kepentingan diri sendiri (Harun Daud, 1989: 99). Penting untuk dijelaskan bahawa kuasa mutlak merupakan kuasa yang tidak terbatas yang dimiliki oleh raja mengatasi sebarang bentuk undang-undang, hukum, bahkan agama yang dianutti.

Menyedari hakikat di atas, pengawalan sosial beraja tersebut masih merupakan kesinambungan daripada kawalan sosial beraja semasa zaman Hinduisme, iaitu raja masih lagi berkuasa mutlak tetapi perubahan yang besar berlaku dari aspek perundangan yang lebih jelas dan teratur dari segi hukuman dan pelaksanaan peraturan sosial dalam masyarakat daripada zaman sebelumnya. Justeru itu, kawalan sosial dalam masyarakat Melayu tradisional sebagaimana yang telah diperjelaskan bermula daripada awal sistem kemasyarakatan dipengaruhi oleh ideologi atau kepercayaan agama yang mencorakkan suatu bentuk sistem kawalan yang menjadi panduan masyarakat dalam menjalankan kehidupan mereka.

Bertitik tolak daripada kekurangan kajian yang dijalankan berkaitan dengan kawalan sosial beraja dalam naskhah historiografi Melayu, maka pengkaji merasakan perlunya kajian terhadap kawalan sosial beraja dijalankan bagi mengisi lompong kajian yang ditinggalkan oleh pengkaji lepas. Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa permasalahan yang wujud berdasarkan pendapat-pendapat, dan kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji lepas, seperti:

- i. Sudut pandangan berbeza sarjana mengenai bentuk kawalan sosial dalam masyarakat Melayu awal di antara bentuk kawalan sosial berdasarkan kekerasan, ke ganasan dan kezaliman dengan bentuk kawalan sosial yang lebih bersifat egalitarian atau persamaan hak.
- ii. Sudut pandangan yang berbeza mengenai pelaksanaan kawalan sosial melalui bentuk kekerasan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat sama ada bentuk kekerasan dalam kawalan sosial dianggap sebagai suatu keadilan, ataupun bentuk kekerasan merupakan suatu kezaliman yang dilakukan oleh raja terhadap rakyat yang berpunca dorongan nafsu dan tidak memiliki peribadi yang mulia.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa persoalan yang timbul dari pernyataan masalah yang telah dibicarakan, iaitu;

- i) Apakah bentuk kawalan sosial dalam masyarakat Melayu?
- ii) Adakah bentuk kawalan sosial beraja yang dilakukan melalui kekerasan boleh dianggap sebagai suatu keadilan atau suatu kezaliman, atau pun peribadi diri raja yang mencorakkan bentuk kawalan sosial beraja?

Oleh itu, kajian ini akan menggunakan tiga buah naskhah historiografi Melayu (karya kesusasteraan sejarah), iaitu naskhah *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Siak*, dan *Tuhfat al-Nafis* sebagai bahan kajian dan memanfaatkan teori ‘umran (peradaban) Ibn Khaldun sebagai landasan kajian.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini berusaha untuk meneliti naskhah-naskhah sastera sejarah atau historiografi Melayu (seterusnya historiografi Melayu) bagi mengenal pasti kawalan sosial beraja dalam masyarakat tradisional yang dimanifestasikan dalam naskhah historiografi Melayu. Oleh itu, bagi mencapai matlamat penyelidikan terhadap naskhah historiografi Melayu, kajian ini akan membahagikan objektif kajian kepada dua matlamat. Objektif-objektif kajian yang disasarkan dalam kajian ini seperti berikut:

- i) Menganalisis bentuk kawalan sosial beraja dalam naskhah historiografi Melayu yang dikaji berdasarkan tahap-tahap ‘peradaban’ (*umran*) menurut Ibn Khaldun, dan
- ii) Merumus bentuk kawalan sosial beraja dalam naskhah historiografi Melayu yang dikaji berdasarkan tahap-tahap ‘peradaban’ (*umran*) menurut Ibn Khaldun.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan terhadap kawalan sosial ini penting kepada semua golongan terutamanya kepada negara, institusi, pengkaji dan pelajar serta masyarakat awam. Hal ini kerana kajian ini memberi sumbangan dalam bidang keilmuan seperti bidang pentadbiran negara dan kerajaan, undang-undang dan dasar-dasar kerajaan, sejarah, budaya, dan kesusasteraan Melayu. Kepentingan kajian ini kepada Negara, khususnya institusi pentadbiran kerana kajian ini dapat memberi panduan dan pengajaran kepada kerajaan, terutamanya golongan pentadbir atau pemerintah dalam merangka dasar-dasar sosial negara dengan menjadikan sejarah sebagai pengajaran supaya kebaikan yang ditonjolkan dalam sejarah dapat diteruskan dan mengambil pengajaran daripada kejatuhan sejarah bangsa kita, khususnya kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis.

Kajian ini juga penting kepada institusi pendidikan kerana kajian ini dapat menjadi bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran kepada tenaga pengajar dan pelajar. Melalui kajian ini akan bertambah satu lagi kajian ilmiah yang sarat dengan ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung membantu tenaga pengajar dan pelajar dalam memahami sejarah di samping menambah modal insan melalui pembacaan terhadap catatan sejarah lampau dan kaedah-kaedah, punca-punca dan sebab-sebab kemunculan, kebangkitan dan kejatuhan peradaban Melayu.

Seterusnya, kajian ini penting kepada para pengkaji yang akan datang untuk menjadikan kajian ini sebagai bahan kajian dan rujukan mereka atau sorotan literatur dalam bidang kesusasteraan, sejarah dan peradaban Melayu, khususnya sastera sejarah (historiografi Melayu). Dengan erti kata yang lain, kajian ini akan menjadi perintis kepada penyelidikan atau penerokaan sesuatu yang baru. Pengkaji-pengkaji yang akan datang akan menjadikan kajian ini sebagai rujukan awal mereka sebelum mereka meneruskan kajian mereka itu.

Akhir sekali, kajian ini juga penting kepada orang awam kerana kajian ini sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan, serta adat dan kebudayaan masyarakat Melayu. Dengan menjadikan kajian ini sebagai bacaan, orang awam dapat memahami tentang ciri-ciri adat dan kebudayaan masyarakat Melayu di samping dapat menambahkan nilai-nilai kemanusiaan melalui pembacaan terhadap sebab dan akibat kejatuhan dan kehancuran tamadun Melayu.

#### **1.5 Batasan Kajian**

Dari segi batasan kajian, kajian ini akan menggunakan tiga buah naskhah historiografi Melayu dari genre kesusasteraan Melayu tradisional sebagai bahan utama, di samping menggunakan kajian-kajian ilmiah seperti jurnal, artikel dan buku yang berkaitan dengan karya yang dipilih sebagai bahan sampingan atau untuk menguatkan fakta kajian. Naskhah historiografi Melayu yang dipilih adalah seperti di bawah:

|      |   |   |
|------|---|---|
| i)   | Tajuk karya<br>Penyelenggara<br>Penerbit<br>Tahun | : <i>Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)</i><br>:A. Samad Ahmad<br>:Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur<br>:1979  |
| ii)  | Tajuk karya<br>Penyelenggara<br>Penerbit<br>Tahun | : <i>Hikayat Siak</i><br>:Muhammad Yusoff Hashim<br>:Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur<br>:1992  |
| iii) | Tajuk karya<br>Penyelenggara<br>Penerbit<br>Tahun | : <i>Tuhfat al-Nafis: Karangan Raja Ali Haji</i><br>:Virginia Matheson Hooker<br>:Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan<br>Pustaka, Kuala Lumpur<br>:1998 |

### 1.5.1 *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*

Naskhah *Sulalatus Salatin* (seterusnya *SS*) atau lebih dikenali dengan *Sejarah Melayu* yang digunakan kajian ini adalah naskhah *SS* yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1979. *SS* merupakan antara karya historiografi Melayu yang dihasilkan di Alam Melayu yang telah diperbaiki atau dikarang semula oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612 (Ali Ahmad, 1987; Samri Bin Sainuddin, 1999). Namun begitu, tarikh kemunculan *SS* ini belum dapat dipastikan lagi, seperti juga dengan nama pengarang sebenarnya yang masih belum jelas atau diketahui (Tatiana A. Denisova, 2011: 8).

Naskhah *SS* merupakan karya sastera yang terkenal dan banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji. Disebabkan kepopularan dan kepentingan *SS* dalam kalangan pengkaji-pengkaji, karya ini diiktiraf dan dilindungi oleh *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada tahun 2001 sebagai *The Memory of The World Register* (UNESCO, 2001: 8).

Naskhah *SS* merupakan sebuah manifestasi sejarah kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman awal pembentukan masyarakat sehingga keruntuhan kerajaan Melayu Melaka oleh Portugis. Menurut Tatiana A. Denisova (2011: 8) menyatakan bahawa kandungan *SS* lebih menceritakan sejarah Melaka pada kurun ke-15 sehingga ke-16. Hashim Awang dan Hashim Ismail (2016: 7) pula menjelaskan bahawa naskhah *SS* bukan hanya memaparkan kehendak kuasa feudal, tetapi *waad* antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba (Sri Tri Buana ditonjolkan yang menjadi teras hubungan raja dan rakyat, seumpama adat yang diistiadatkan di samping memanifestasikan keindahan pada bersifat holistik dan harmonis sebagai sebuah teks yang menceritakan keagungan dan keruntuhan sebuah peradaban. Menurut Muhd Yusof Hashim (2010) pula, naskhah *SS* menggambarkan kemunculan, kegemilangan dan kebesaran kerajaan Melayu Melaka sebagai sebuah pusat tamadun yang agung di samping memperlihatkan peranan dan tugas yang dimainkan oleh raja dan pembesar untuk membangun, mengekal keunggulan dan kegemilangan tamadun Melayu Melaka. Turut digambarkan dalam naskhah *SS* tentang situasi mencabar yang dihadapi oleh raja, pembesar dan rakyat

Melaka apabila menemui kegagalan pada zaman terakhir pemerintahan dalam kerajaan Melayu Melaka seperti semasa dan selepas tewas dalam serangan Portugis, contohnya tekad masyarakat Melaka untuk terus berusaha bagi bangkit semula sehingga berjaya membina sebuah kerajaan Melayu baharu, iaitu kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga.

### **1.5.2 *Hikayat Siak***

Naskhah *Hikayat Siak* (seterusnya *HS*) yang digunakan kajian ini adalah naskhah *HS* yang diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1992. *HS* turut dikenali sebagai *Hikayat Melayu*, dan *Hikayat Raja Akil*. Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1992: 10), *HS* ditulis oleh Tengku Said pada 23 Safar, hari Ahad, tahun 1272 Hijrah (bersamaan 5 November 1855).

Berkaitan dengan penceritaan, *HS* dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Pada bahagian pertama merupakan penulisan semula teks *SS*, khususnya cerita mengenai sejarah Melaka dan sejarah awal Johor, kemudian pada bahagian kedua, naratif diteruskan dengan penceritaan mengenai Johor di abad ke-18 serta naratif tentang Siak dan kerajaan Sukadana di abad ke-19 (Muhammad Yusoff Hashim, 1992: 17). Bahagian yang kedua dalam *HS* merupakan kelangsungan teks *SS*, iaitu dimulakan dengan memerihalkan pengangkatan Sultan Abdullah sebagai Sultan Johor dan pengangkatan Sultan Mahmud Syah II sebagai pemerintah Johor serta pembunuhan ke atas baginda oleh Megat Seri Rama (Muhammad Yusoff Hashim, 1992: 28). Menurut Muhammad Yusoff Hashim lagi, dari sini naratif diteruskan dengan perihal kemunculan Raja Kecil pada awal abad ke-18, kembara politik keturunannya dari kalangan keluarga kerabat Minangkabau, dilanjutkan sehingga ke pertengahan abad ke-19 iaitu mengenai kembara politik dan pergelutan kuasa Raja Akil ibnu Raja Musa sehingga 1848 M apabila baginda mangkat di Sukadana yang seterusnya digantikan oleh puteranya, Tengku Anum. Noriah Taslim (2013: 4) turut menyatakan tentang *HS* sebagai sebuah teks yang memasukkan seluruh teks *SS* dan menghubungkan genealogi raja Melaka sehingga Sultan Mahmud II Johor, semata-mata untuk mensahihkan Raja Kechil Siak sebagai keturunan langsung daripada Raja Bukit Seguntang, hatta berhak menuntut takhta kerajaan Johor selepas kematian Sultan Mahmud II pada tahun 1699 M.

### **1.5.3 *Tuhfat al-Nafis***

Naskhah *Tuhfat al-Nafis* (seterusnya *TN*) yang digunakan kajian ini adalah naskhah *TN* yang diselenggarakan oleh Virginia Matheson Hooker terbitan Yayasan Karyawan, dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada tahun 1998. *TN* merupakan karya karangan Raja Ali Haji Ibnu Raja Ahmad Haji dari Pulau Penyengat, Riau yang ditulis dalam lingkungan tahun 1866-1872 di Istana Riau (Noriah Taslim, 2009: 59).

Menurut Ali Ahmad et. al (2005: 24), naskhah *TN* lebih cenderung untuk menceritakan tentang pemerintahan kerajaan Johor-Riau sejak Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan

Muda (Raja Bugis yang bergelar Kelana Jaya Putera) sehingga kepada campur tangan Belanda pada ketika pemerintahan Sultan Mahmud dan Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah.

## 1.6 Definisi Operasional

Kajian ini akan diperkuatkan lagi dengan definisi penting berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Definisi ini menjadi dasar utama kepada tajuk penyelidikan yang dijalankan seperti yang dijelaskan di bawah:

### 1.6.1 Kawalan Sosial Beraja

Dalam menjelaskan definisi operasional berkaitan dengan kawalan sosial beraja. Kajian ini akan membahagikan kawalan sosial beraja kepada ‘kawalan sosial’ dan ‘beraja’ kerana kedua-dua perkataan ini telah mempunyai maksud yang mantap. Kemudian, perkataan tersebut akan digabungkan dan diberikan definisi yang bersesuaian dengan maksud perkataan tersebut yang dijadikan definisi operasional kajian ini. Percantuman perkataan ‘kawalan sosial’ dan ‘beraja’ dalam kajian ini bukan bermaksud mengelirukan atau mengubah suai maksud perkataan tersebut tetapi pertimbangan yang dibuat dalam menggabungkan maksud ‘kawalan sosial’ dan ‘beraja’ menjadi ‘kawalan sosial beraja’ setelah mengambil kira koheran dan kohesi antara dua perkataan tersebut dan kesesuaian dengan skop kajian yang dijalankan, iaitu kajian naskhah historiografi Melayu yang secara umumnya memerihalkan tentang raja dan pemerintahan beraja Melayu. Oleh itu, kawalan sosial beraja dijadikan satu definisi operasional dalam kajian ini untuk memperlihatkan perkaitan yang jelas di antara ‘kawalan sosial’ dengan pemerintahan beraja Melayu.

Kawalan sosial ialah cara dan tindakan yang digunakan oleh sesebuah kelompok masyarakat untuk mempengaruhi dan menentukan tingkah laku anggotanya supaya mereka mematuhi norma-norma, tradisi dan pola-pola tingkah laku bagi melicinkan perjalanan kelompok masyarakat tersebut (Ting Chew Peh, 1979: 47; Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Amir Hassan Dawi (2002) bahawa kawalan sosial ialah segala amalan-amalan dalam kumpulan sosial yang menuruti norma-norma mengikut kumpulan berkenaan. Diana Crane (1982) pula, menyatakan bahawa kawalan sosial ialah suatu konsep yang merujuk kepada kesepakatan dalam mengawal tingkah laku sosial dengan mengongsi kebersamaan nilai dan persepsi masyarakat. Katanya, *‘The concept of the social control refers both to the sosial order- the regulation of social behavior and to consensus-widely share values and the perceptions’* (1982: 229). Dalam hal ini, kawalan sosial juga merupakan suatu peraturan yang dituruti atau digunakan dalam sesebuah masyarakat seperti undang-undang dan hukuman. Kenyataan ini dapat diperkuatkan lagi dengan Rokiah Ismail (2002:89) yang menyatakan bahawa kawalan sosial merupakan semua proses yang menyebabkan individu akur pada norma masyarakat termasuk undang-undang jenayah, pihak polis, mahkamah dan institusi tahanan. Oleh itu, kawalan sosial juga dapat ditafsirkan sebagai sebuah peraturan yang perlu diikuti dalam sesebuah kelompok

masyarakat kerana pada dasarnya kawalan sosial merupakan suatu had dan peraturan yang dipersetuju atau telah dipersetuju oleh masyarakat.

Kawalan sosial juga dapat disamakan dengan peraturan sosial. Harun Daud (1994:271-272) dalam membincarakan tentang kawalan sosial telah mengklasifikasikan peraturan sosial (kawalan sosial) kepada tiga peringkat iaitu “*folkways*”, “*mores*”, dan hukum. Sesiapa yang melanggar peraturan itu disifatkan sebagai ‘melencong’ dan boleh didenda terutama apabila dia melanggar peraturan yang melibatkan hukum. Walau bagaimanapun, bentuk peraturan dan ukuran nilai itu tidak semestinya sama antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain.

Seterusnya, Halimah Hassan (2007: 197) pula menganggap bahawa proses sosialisasi sebagai kawalan sosial yang menjadi aspek keperkasaan dan kelestarian budaya dalam sesebuah masyarakat. Melalui proses ini akan muncul pola kumpulan pemaksa sebagai pengawal sosialisasi masyarakat daripada berlakunya penyelewengan terhadap ‘*folkways*’ dan ‘*mores*’. Satu pendapat yang penting tentang kawalan sosial juga dapat dinukilkan melalui kata-kata Jelani Harun (2008:25) tentang undang-undang adat Melayu dalam petikan di bawah:

Undang-undang adat Melayu ialah undang-undang atau peraturan yang terbentuk berdasarkan amalan yang diwarisi dalam masyarakat Melayu secara turun-temurun. Secara paling ringkas, undang-undang adat Melayu merupakan dektri yang disusun berdasarkan adat istiadat, nilai, norma, moral atau adab yang menjadi amalan turun-temurun zaman kesultanan Melayu, khususnya sebagai panduan dan kawalan kepada raja dan pembesar dalam melaksanakan proses pemerintahan negara dan pengadilan terhadap ahli masyarakat.

Manakala, perkataan beraja pula terhasil daripada dua kata iaitu kata ‘ber-’ yang merupakan kata kerja, dan ‘raja’ pula merupakan kata dasar yang bermaksud orang yang mengetuai dan memerintah sesebuah negara. Manakala, beraja pula bermaksud orang yang berlaku sebagai raja atau menjadi raja (*Kamus Dewan*, 1990). Berdasarkan *Kamus Lengkap* (1990), perkataan raja merujuk kepada kepala negara, orang yang mengetuai, dan memerintah sesebuah negara. Dalam *Kamus Besar Indonesia* (1990) pula, mendefinisikan raja sebagai pemimpin sesuatu negara atau suku, yang diperoleh melalui pewarisan secara turun temurun.

Selain itu, Jean Jacques Rousseau (1893) menyatakan bahawa raja merupakan seseorang yang memegang kuasa dalam suatu pemerintahan yang satu-satunya mempunyai hak untuk mempergunakan kuasa menurut undang-undang. Nazri Muslim (2013) pula menyatakan bahawa raja merupakan seorang yang mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik. Kenyataan ini dapat diperkuatkan lagi melalui pendapat Jelani Harun (2008: 40) menyatakan bahawa raja selaku ketua bagi sebuah kerajaan atau negeri, raja mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan perjalanan negeri dan kehidupan rakyat jelata. Tambahnya lagi, salah satu tugas utama seorang raja adalah membentuk, mentadbir, melaksana dan memelihara undang-undang dalam

negerinya. Oleh itu, dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, konsep beraja boleh merujuk kepada kerajaan, dan kenegaraan. Hal ini turut dinyatakan oleh Siti Hawa Haji Salleh (2006 : 42), bahawa konsep kerajaan dan kenegaraan yang dibentuk adalah berkaitan dengan peribadi orang yang dilantik menjadi raja atau sultan sendiri. Raja diberikan pelukisan sifat dan tokoh yang menarik, saksama, bertanggungjawab, adil, tidak menganiayai rakyatnya dan namanya harum dikenali orang. Sifat-sifat yang baik seorang raja akan melahirkan sebuah kerajaan dan menarik rakyat dari kawasan lain untuk berteduh di bawah naungannya. Bertitik tolak daripada hal ini, konsep beraja dalam konteks kajian ini merujuk kepada individu bertindak sebagai ketua yang mempunyai kuasa memerintah, mengawal dan mentadbir sesebuah kerajaan.

Sebagai rumusannya, kawalan sosial beraja merupakan setiap cara, kaedah, bentuk, dan peraturan yang dijadikan panduan oleh pemerintah dalam sesebuah masyarakat ke atas sebarang tingkah laku rakyat atau masyarakatnya dalam menjalani kehidupan. Dalam hal ini, kawalan sosial beraja yang merujuk kepada masyarakat Melayu tradisional dapat didefinisikan sebagai semua bentuk atau kaedah yang dilakukan oleh raja atau pemerintah dalam menjalankan pemerintahan dan pentadbiran, khususnya dalam mengenakan sekatan, had atau batasan terhadap rakyat atau orang yang diperintah. Sekiranya berlaku pelanggaran atau penyelewengan oleh rakyat terhadap sekatan, had atau batasan (kawalan sosial beraja) yang ditetapkan ini, individu dalam masyarakat atau rakyat tersebut akan dipandang serong oleh anggota masyarakatnya atau boleh dikenakan hukuman, denda, atau seksaan. Justeru itu, kawalan sosial beraja termasuklah sistem nilai, adat dan istiadat, undang-undang dan hukum yang digunakan dalam sesebuah masyarakat yang menjadi batasan kepada masyarakat dalam hidup di dalam sebuah kumpulan, kerajaan atau negara.

### 1.6.2 Historiografi Melayu atau Sastera Sejarah

Setiap peradaban manusia dalam membina sebuah tamadun mempunyai sejarah yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui catatan dan peninggalan sejarah serta bukti-bukti arkeologi seperti monumen, batu bersurat, dan bangunan lama termasuklah karyakarya kesusastraan khususnya, karya historiografi Melayu. Karya historiografi Melayu dikategorikan dalam karya sastera tradisional yang berbentuk sastera tulisan yang berkembang pada zaman sastera Islam sekitar abad ke-14 hingga 17. Kebanyakan karya historiografi Melayu menggunakan nama ‘hikayat’ yang bermaksud cerita atau dikenali juga dengan nama lain seperti salasilah, silsilah dan salsilah yang bermaksud daftar keturunan. Perkataan sejarah berasal dari perkataan Arab, iaitu ‘syajarah’ yang bermaksud ‘pohon’ atau daftar keturunan (Liaw Yock Fang, 1978:203).

Secara etimologinya kata ‘historiografi’ (persejarahan) berasal daripada perkataan ‘sejarah’ yang bermaksud asal usul (keturunan), salasilah atau peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, dan riwayat (Kamus Dewan Bahasa, 2009). Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1992:1) menyatakan sejarah sebagai ‘*the record of event or the event themselves*’. Dalam erti kata lain sebagai sesuatu catatan tentang sesuatu peristiwa. Collingwood (1961:10) pula, berpendapat bahawa sejarah ialah sains yang menginterpretasikan masa lampau dengan berdasarkan butir-butir kenyataan. Rumusnya, sejarah merupakan sesuatu peristiwa yang terjadi atau benar-

benar terjadi dan dicatatkan pada masa lampau yang berkait rapat dengan asal usul sesuatu peristiwa.

Dalam membicarakan konsep atau definisi historiografi Melayu terdapat beberapa sarjana yang secara khusus memberikan pandangan mereka yang tersendiri seperti Liaw Yock Fang (1993:11) berpendapat bahawa karya historiografi banyak mengandungi hal-hal berkaitan kemasyarakatan dan boleh digunakan untuk menyusun sejarah masyarakat. Taib Osman (1965:44) pula mendefinisikan historiografi Melayu sebagai kisah tentang peristiwa-peristiwa bersejarah yang disusunkan dalam bentuk sastera yang agak baik juga dan berfungsi untuk pengarang dan generasi semasa pengarang dan keturunan-keturunan mereka. Seterusnya, Siti Hawa Haji Salleh (1993: 280) menyatakan bahawa karya historiografi Melayu merupakan hasil-hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah atau unsur-unsur yang bersifat sejarah, mengikut konsep dan ukuran masyarakat dan zaman yang menghasilkannya.

### **1.7 Rumusan**

Berasaskan keseluruhan perbincangan dalam bab ini, kawalan sosial beraja wujud dengan tertubuhnya sesebuah masyarakat. Hal ini kerana ketidaaan kawalan sosial dalam sesebuah organisasi masyarakat menyebabkan berlaku kehancuran kepada masyarakat yang dibina atau tidak akan wujud sesebuah masyarakat. Proses sosialisasi dalam masyarakat turut menyumbang kepada pembentukan kawalan sosial dalam masyarakat yang menyebabkan lahir pelbagai pemikiran tentang cara masyarakat menangani kehidupan masyarakat tersebut dalam hidup ke arah keharmonian dan keamanan. Pemikiran kawalan sosial dalam masyarakat pula terbentuk melalui pelbagai cara, seperti adat-istiadat, budaya sama ada persekitaran dan cara hidup, serta pemikiran dan fahaman agama. Kawalan sosial juga akan berubah bergantung kepada zaman, ideologi politik, dan pengaruh agama. Oleh itu, kawalan sosial beraja dalam historiografi Melayu merupakan suatu kaedah dan cara yang dilakukan oleh raja dalam segala bentuk tindakan atau perbuatan dan sekatan atau had yang dikenakan terhadap rakyat sama ada dipersetuju atau pun tidak oleh rakyat yang tercatat dalam sejarah kebudayaan Melayu. Rakyat dalam masyarakat Melayu terpaksa akur dan menerima kawalan sosial yang dikenakan ke atas mereka yang akhirnya, membentuk norma masyarakat yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam hal ini, kawalan sosial beraja akan menjadi ‘kayu ukur’ kepada baik dan jahat seseorang dalam sesebuah masyarakat tersebut kepada masyarakat tradisional.

## BIBLIOGRAFI

- A. Bryman. (2008). *Of Method and Methodology, Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*, Vol. 3 Issue: 2, pp.159-168, <https://doi.org/10.1108/17465640810900568> (Diakses pada 22/9/2015 10:15 am)
- A. Samad Ahmad, (peny). (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basir Alias. (2002). *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*. Bangi: As-Syabab Media.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2014, Oktober 30). Gagasan dan Cabaran dalam Memartabatkan Peradaban Melayu. *Syarahan Perdana* (hlm. 1-71). Pulau Pinang: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (1993). Kekerasan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Penelitian Berdasarkan Sejarah Melayu. Dalam Qasim Ahmad, *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah* (hlm. 37-65). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammad al-Rasyid. (2015). *Kepimpinan Rasulullah dalam Peperangan*. Shah Alam: Group Buku Karang Kraf Sdn. Bhd.
- Abdullah Siddik. (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2014, November 19-20). Persetiaan Melayu –Bugis dalam Sejarah Kerajaan Johor. *Seminar Antrabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan*, hlm. 1-23.
- Abu Mazaayaa Al Hafiz. (1997). *Penawar Hati dan Penenang Jiwa*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Abu Yaareb al-Marzuki. (2003). Ibn Khaldun's Epistemo-Logikal and Axiological Paradoxes. Dalam Ahmad Ibrahim Abushouk (peny.). *Ibn Khaldun and Muslim Historiography*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. (2009). *Politik dan Pentadbiran Johor-Riau 1721 hingga 1824: Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2010). Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Jurnal Al-Tamadun*. Bil 5: 117-130.
- Ahmad Kamar. (1984). *Malay and Indonesian Leadership in Perspective*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Zaharuddin. (2014, September 23). Raja Ikon Penyatuan Bina Negara Bangsa Berdaulat. *Rencana Berita Harian*, hlm. 32-33.
- Aiza Maslan @ Baharudin. (2000). Teori ‘Umran Ibnu Khaldun: Kajian Khusus Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka. *Tesis Ijazah Sarjana*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man, Jelani Harun. (2005). *Tasawwur Islam Dalam Kesusastraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ali Bin Raja Ahmad. (1956). *Kitab Salsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya*. Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor
- Ali Mohammad. (2008). *Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad Ke-17 Masihi*. Universiti Malaya: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam:.
- Amir Hassan Dawi. (2002) *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Tanjung Malim: Quantum Book.
- Arba’iyah Mohd Noor. (2011). Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun*, (6), 29-50.
- Arena Wati, peny. (1973). *Silsilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Asrul Effendi Kamaruzzaman. (1999, September 8). *Pertikaian Politik dalam Tuhfat al-Nafis*. *Berita Harian*, hlm. 8-9
- Ataullah Bogdan Kopanski. (2003). Ibn Khaldun's and Ibn Taymiyya's exegesis on history, human nature and state : A comparative review. *Seminar on Ibn Khaldun and muslim historiography*. Gombak : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Auni Haji Abdullah. (1991). *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Aziz Al-Azmeh. (1990). *Ibn Khaldun: Arabic Thought and Culture*.” London & New York: Routledge.
- Azmi Arifin. (2006). Konsep Feudalisme: Takrif, Ciri-ciri dan Garis Sempadan. *Jebat*, 33, 45-72
- Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Bazrul Bahaman. (2006). *Analisis Motif Politik dalam Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Cheah Boon Kheng. (1993). Ketidakadilan Raja dan Keruntuhan Kerajaan Melaka: Pengadilan Moral dalam *Sejarah Melayu*. Qasim Ahmad (peny.) "Kekerasan dalam Sejarah". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 66-91.
- Edward Alsworth Ross. (1901). *Social Control: A Survey of The Foundations of Order*. New York: The Macmillan Company
- Esa Khalid. (2001). *Konsep Tamadun Islam: Sains dan Teknologi*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia
- Fazliyana Binti Mustafa. (2001). Kepentingan Kepimpinan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka. *Disertasi Ijazah Sarjana Sastera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Franz Rosenthal, terj. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. United Kingdom: Princeton University Press
- Halimah Hassan. (2007). Kawalan Sosial dalam Cerita Rakyat Melayu. Adi Yasran Abdul Aziz, Arbak Othman, Ahmad Mahmood Musanif, etc. "Cendekia: Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu." Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia., hlm. 197-228
- Hassan Ahmad, etc. (peny.). (2005). *Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hassan Hj. Hamzah. (1995). *Ensiklopedia Malaysiana: Kamus Malaysiana*. Kuala Lumpur: Anzagin Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusastraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang, dan Hashim Ismail. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antara- Budaya Melayu- Jawa dalam *Sulalat al- Salatin*. MANU, bil. 23, (hlm. 1- 20)
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke- 21*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 12(1), Januari. hlm, 1-20.
- <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/flagship-projectactivities/memory-of-the-world/register/full-list-of-registered-heritage/registered-heritage-page-8/sejarah-melayu-the-malay-annals/#c183728> (Diakses pada 23 September 2013).
- Haron Daud. (1989). *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Persejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Harun Daud. (2001). Kembalikan Hang Tuah Ke Tempatnya. *Jurnal Sejarah (Jebat)*, 107-122.
- Hussain Othman. (2009). *Malay Historical Thought*. Parit Raja: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (2011). *Mengetup Pintu Keampunan Allah*. (Terj.) Yahya Nuryadi. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Idris Zakaria. (2011). Etnosentrisme Melayu dalam Sulalatus Salatin. *Jurnal Melayu* (7), hlm. 107-120.
- Idris Zakaria. (2014, November 19-20). Persetiaan Raja, Kerajaan dan Rakyat daipada Perspektif Islam. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja, dan Kerajaan*, hlm. 23-54.
- Ishak Saat. (2012). *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- J.H. Walker. (2004). Autonomy, Diversity, and Dissent: Conceptions of Power and Sources of Action in the Sejarah Melayu (Raffles MS 18). *Theory and Society*, (33), hlm. 213- 255  
<https://link.springer.com/content/pdf/10.1023/B:RYSO.0000023412.88260.c2.pdf>  
diakses pada 12/5/2016 10: 16 PM
- Jean Jacques Rousseau. (1893). *The Social Contract or, Principles of Political Law*. New York: Peter Eckler  
<http://archive.org/details/socialcontractor1893rous> diakses pada 12/5/2016 7:32 PM
- Jelani Harun. (2001). Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas:Karya Ketatanegaraan Melayu yang Terakhir. *SARI*, (19), hlm. 133-158.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun (Peny). (2006). *Nasihat al-Muluk: Nasihat kepada Raja-Raja. karangan Imam al-Gahazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2008). *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang : Penerbit universiti Sains Malaysia.
- Khoo Kay Kim. (1991). *Malay Society: Transformation & Democratisation*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd
- K. Ramanathan. (1998). *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (1990). Jakarta: Balai Pustaka.

- Kamus Lengkap.* (1990). Petaling Jaya: Pustaka Zaman
- Kamus Dewan Edisi Keempat.* (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Thukiman. (2002). *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy. (2008). *Sistem Politik Islam: Menurut al-Quran, Sunah dan Pendapat Ulama Salaf.* Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Liaw Yock Fang. (1978). *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik.* Pustaka National
- Mahayudin Haji Yahya. (2011). ‘Umran Al ‘Alam dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma. *Journal of West Asian Studies* (3)(1), 1-27
- Mardiana Nordin. (1999). *Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks Tuhsfat al-Nafis’.* Tesis Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mardiana Nordin. (2009). *Perpecahan Kerajaan Johor-Riau 1819-1824.* Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Mardiana Nordin. (2011). Perang Melayu pada Abad ke-18 dan ke-19: Kajian Berdasarkan Naskhah *Tuhfat al-Nafis, Hikayat Pahang, Kenang-Kenangan Selangor* dan *Hikayat Seri Kelantan.* Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maziar Mozaffari Falarti. (2014). *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society.* Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Michael R. Gottfredson, dan Travis Hirschi. (1990). *A General Theory of Crime.* Redwood City: Stanford University Press
- Mohd. Amirullah Abdul Rahman. (2005). Kerajaan Johor-Riau dalam Sejarah Peradaban Melayu. *Tesis Ijazah Sarjana.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammed Anwar Omar Din. (2011). Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu*, Jil. 7, hlm. 1-82
- Mohd Akbal Abdullah, dan Abdullah Sulaiman. (2005, November). Pemelayuan: Pengalaman Etnik Bugis di Johor berdasarkan Naskhah-Naskhah Sejarah Tradisional Melayu Johor. *Seminar Kebangsaan ICT dalam Pendidikan, UPSI.* hlm. 1-30.
- Mohammad Hannan Hassan. (2014). Islamic Legal Thought and Practices of Seventeenth Century Aceh: Treating The Others. *Disertasi Ph.D.* Montreal: McGill University, Institute of Islamic Studies. [http://digitool.library.mcgill.ca/webclient/StreamGate?folder\\_id=0&dvs=1502860865946~91](http://digitool.library.mcgill.ca/webclient/StreamGate?folder_id=0&dvs=1502860865946~91)

- Mohd. Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Isa Othman. (2009). *Politik dan Pentadbiran Kedah Hingga Abad ke-19: Polemik Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mohammad Isa Othman. (2009). *Politik dan Pentadbiran Kedah Hingga Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Mohd Jamil Mukmin. (2011). Sejarah Hubungan Diplomasi Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2, hlm: 71-90.
- Mohd Kamal Hassan. (1996). *Towards actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2005). Budaya Perniagaan dan Perdagangan Melayu dalam Teks Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, jilid 15*: 52- 72.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Muzammil Mohamad Noor. (2013). Hubungan Kesultanan Kedah dengan Siam. *Seminar Kesultanan Negeri Kedah. Muzium Negeri Kedah*. Sept: 10-11.
- Mohd Safar Hasim. (2002). *Mengenali undang-Undang Media dan Siber: Fitnah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Taib Osman. (2004). *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*.” Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zain Musa. (1992). Champa: Runtuhnya Sebuah Kerajaan Melayu. *Jurnal Sejarah (JEBAT)*, 20, 3-18.
- Mokhtar Muhammad. (2005). *Perhubungan Antarabangsa: Konsep dan Konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- Monique Zaini-Lajoubert. (2010). Karya Sastera Melayu Moden yang Berilhamkan Karya Sastera Melayu Lama. *Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu 1: 2*: 113-114.
- Mukadimah Ibn Khaldun*. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Kesusasteraan dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mustafa Ishak, Afifi Abdul Razak. (2006). *Politik dan Pemerintahan Negara*. Kuala Lumpur: Thomson.

- Muhammad Abdullah Enan. (1979). *Ibn Khadun: His Life and Work*. New Delhi: Kitab Bhavan
- Muhammad Uthman al-Muhammady. (2013). The relevance of the Khaldunian discourse to our age. *Seminar on Ibn Khaldun and Muslim Historiography*. Gombak : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Muhd. Yusuf Ibrahim. (1994). *Pensejarahan Melayu 1800-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhd. Yusuf Ibrahim. (2010). *Sejarah dan Persejarahan Melayu: Warisan & Kesinambungan*. Kuala Lumpur: Tinta Publishers.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *Persejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim (peny.). (1992). *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Abdul Rashid b. Nik Abdul Majid. (2001). Adat dan Undang-undang. Dalam Abdul Latif Abu Bakar, "Adat Melayu Serumpun" Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (1979). Srivijaya: Satu tinjauan tentang organisasi sosial dan pentadbiran. *Jebat*, Jil. 9, Hlm. 166-172.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2007). Current Issues on Prehistory and The Protohistory in Malaysian Archaeology. *JMBRAS*, 80 (Part 1), 41- 57
- Norazimah Zakaria. (2013). Hikayat Melayu@Sejarah Melayu "Long Version Versi Tengku Said: Satu Kajian Teks Sastera Sejarah. *Jurnal Melayu* (10): 36-48.
- Norazimah Zakaria. (2013). *Alam dan Kaitannya dengan Pengabsahan Kedaulatan Raja Kecil dalam Hikayat Melayu versi Tengku Said: Sang Budiman*. Batu Caves: PTS AKADEMIA.
- Norazimah Zakaria. (2005). Sejarah Melayu: Sebuah Genre Sintesis yang Baik bagi Memenuhi Tuntutan Moral Islam dan Aspek Pengawalan Politik. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 319-334.
- Norhaslinda Mokhtar Rudin.(2006). Interaksi tamadun Melayu-Jawa dalam *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*. *Tesis Ijazah Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azizah Binti Ariffin. (2012). Perihal Kezaliman Raja dan Pembesar dalam Bab Lima Bustan Al-Salatin. *Tesis Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2013, Oktober 29-30). Perihal Keintelektualan Melayu Menerusi Korpus *Sulalatus al-Salatin*. *Kertas Kerja Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Hashimah Jalaluddin dan Rozaimah Rashidin. (2008). Rasuah dalam Karya Sastera Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognatif. *Jurnal e-Bangi*, 3(3), 1-27.
- Noriah Taslim. (2009, Jun). Sejarah Melayu dan Kemelut Politik Melayu Abad ke-17. *Dewan Sastera*. hlm. 56-58.
- Noriah Taslim. (2009, Julai). Imej Raja-raja Melayu dalam *Tuhfat al-Nafis*. *Dewan Sastera*. hlm. 27-29.
- Noriah Taslim. (2009, Oktober). Menangani Kuasa Suara Rakyat dalam Sejarah Melayu. *Dewan Sastera*. hlm. 57-59.
- Noriah Taslim. (2006). Kepercayaan dan Perubahan Tanggapan terhadap Alam Istana: daripada Animisme ke Islam. Dalam Noriah Taslim, *Dunia Sahibul Hikayat* (hlm. 68-77). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2006). Mantera dan Kuasa: Manusia dalam Dunia Sihir. Dalam N. Taslim, *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 111-133
- Noriah Taslim. (2006). Pengarang Annal, Ideologi Politik Hindu-Islam dan Konsep Ketenteraman Sosio-kosmik. Dalam Noriah Taslim, *Dunia Sahibul Hikayat* (hlm. 78-87). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2013, Oktober 29-30). *Sulalat al-Salatin* Sebagai Buku Tradisi: Wibawa dan Kemungkinan. Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin. hlm. 1-14
- P. Palaniappan. (1984, Julai). Sumbangan Kesusteraan India kepada Perkembangan Kesusteraan Melayu Tradisional. (Ismail Hamid, Harun Mat Piah, & Abdul Rahman Napiyah, peny.) *Jurnal Institut Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu (SARI)*, 2(2), 125-139.
- Puteri Rashidah Megat Ramli, pent. (1991). *Darihal Perjanjian Sosial/ Jean-Jacques Rousseau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qasim Ahmad. (1993). Kekerasan dalam Masyarakat: Suatu Perhitungan. Dalam Qasim Ahmad, *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah* (hlm. 1-18). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji Riau. (1996). *Kitab Pengetahuan Bahasa: iaitu Kamus Lughat Melayu-Johor-Pahang-Riau-Lingga*. Diselenggarakan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Raja Chulan. (1991). *Misa Melayu* (ed. 6). Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Raja Hassan Raja Noor. (1972). Pola-pola Historiografi Tradisional dalam Pensejarahan Melayu. *Jurnal Sejarah (JEBAT)*(2), 16-24.
- Rohayu Binti Mat Rani. (2013). Sifat dan Peranan Raja dan Pembesar dalam Naskhah Hukum Kanun Pahang. *Tesis Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Robin George Collingwood. (1961). *The Idea of History*. Oxford University Press.

Rokiah Ismail. (2002). Kawalan Sosial dan Pelbagai Dimensi Fungsinya dalam Strategi Menangani Masalah Jenayah dan Delinkuensi di Malaysia. Dalam Rokiah Abdul Aziz, *Masyarakat, Budaya dan Pemodenan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

S. Othman Kelantan. (1990, September). Perjanjian Melayu. *Dewan Sastera*, 31-32

Samri Bin Sainuddin. (1999). Peradaban Melayu Melaka berdasarkan Sejarah Melayu. *Desertas Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Strategi Diplomatik Bervariasi Suatu Kearifan Lokal dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu. *Jurnal Iman* 3(2): 79-93.

Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Shaharuddin Maaruf. (2013, 29-30 Oktober). Susunan Masyarakat di Bawah Kerajaan Melayu Lama. *Kertas Kerja Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shaharuddin Maaruf. (2014). *Yang Abadi dan Abdi dalam Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shaharir Mohamad Zain. (2003). Shaharir Mohamad Zain, (2003) Penyebaran Orang Rumpun Melayu Pra-Islam dan Perkembangan Tulisan Bahasa Melayu. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Jil. 21 . hlm. 129-149 [http://journalarticle.ukm.my/1225/1/Penyebaran\\_Orang\\_Rumpun\\_Melayu\\_Pra-Islam.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1225/1/Penyebaran_Orang_Rumpun_Melayu_Pra-Islam.pdf) diakses pada 26 November 2016, 05: 30 am

Shahrul Anuar bin Nordin. (2012). Pemikiran Politik Islam Di Aceh Pada Abad Ke- 17 M: Kajian Perbandingan antara Kitab Taj al-Salatin, Sulalath al-Salatin dan Bustan al-Salatin. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.

Siti Hawa Haji Salleh. (1992). *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Haji Salleh. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Haji Salleh. (2006). *Naskhah Melayu Berunsur Sejarah (Kerajaan Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sunandar. (2015, Mac). Melayu dalam Tantangan globalisasi: Refleksi Sejarah dan Berubahnya Sistem Referensi Budaya. *Jurnal Khatulistiwa-Journal of Islamic Studies*, 5(1), 60-73

- Syamsul Huda. (2011). Pelaksanaan Undang-Undang Kerajaan Melayu dalam Sastra Sejarah (Aspek Adat dalam Naskhah *Sejarah Melayu*). *Jurnal Kependidikan Triadik*, 14 (1), 64- 75
- Syed Ahmad Hussein. (1994). *Pengantar Sains Politik*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia.
- Syed Husin Ali. (2014). *Raja-raja Melayu: Kemajuan atau Kemunduran?* Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Tatania A. Denisova. (2013). Sejarah Penyebaran Islam di Alam Melayu beasaskan Sumber-sumber Sejarah Melayu Islam kurun ke-18 hingga ke-19. *Jurnal Al-Tamaddun*, 1(8), 85-98.
- Teuku Iskandar (peny.). *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Ting Chew Peh. (1979). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1985). *Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman
- V. T. Gunalan. (1999). Genesis Autograf Sejarah Melayu. *Jurnal Sejarah (JEBAT)*, 101-119
- Virginia Matheson Hooker. (1991). *Tuhfat Al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Virginia Matheson Hooker. (1998). *Tuhfat al-Nafis: Karangan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pusaka.
- V. I. Braginsky. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahhabuddin Ra'ees. (2003). The Role of ‘Asabiyyah and Religion in Building Political Institutions. Dalam Ahmad Ibrahim Abushouk, “*Ibn Khaldun and Muslim Historiography*.” Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia
- Wan Ariffin Bin Haji Wan Ahmad. (2005). Hubungan Sosialisasi dengan Budaya Politik Kelas Menengah Rendah Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Wan Hashim Wan Teh. (2015, Mei 3). Asal Mula Kesultanan Perak. *Utusan Online* <https://www.utusan.com.my/rencana/asal-mula-8232-kesultanan-perak-1.87085> diakses pada November 18, 2016; 03: 30 p.m

- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2014, November 19-20). Hubungan Raja dan Rakyat: Suatu Telaah Terhadap Taj al-Salatin dari Perspektif Pemikiran Islam. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja, dan Kerajaan*.
- Yusoff Iskandar. (1997). *Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar): Penelitian Interpretatif dari Sejarah Melayu dalam Sejarah di Selat Melaka*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.
- Zalila Sharif. 1995. *Politik dalam Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Tesis Ijazah Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1990). Kerajaan Melaka dalam Hubungan Antarabangsa. *Jurnal Sejarah (JEBAT)*, 18, 71-87.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (2008). *Kesultanan Melayu Melaka* (ed. 2). Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Zainal Abidin Borhan. (2013). Adat Istiadat dalam Sulalatus al-Salatin. *Kertas Kerja Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan. (2014, November 19-20). Waad, Raja, dan Rakyat. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja, dan Kerajaan*, hlm. 116-128
- Zainal Kling. (2014, November 19-20). Dari Waad kepada Raja Berperlembagaan: Sendi Pemerintahan Negara Malaysia. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja, dan Kerajaan*, hlm. 1-22.
- Zakaria Stapa. (2009). Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam. *Jurnal Hadhari*(1), 31-44.
- Zubir Hassan. ( 2007). Labor as a source of value and capital formation: Ibn Khaldun, Ricardo and Marx – A Comparison," *MPRA Paper*, University Library of Munich, Germany. Diakses daripada [https://mpra.ub.uni-muenchen.de/5989/1/MPRA\\_paper\\_5989.pdf](https://mpra.ub.uni-muenchen.de/5989/1/MPRA_paper_5989.pdf) diakses pada 22/11/2014 9:10 am